



**MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM**  
86200 SIMPANG RENGAM, JOHOR DARUL TA'ZIM

**NOTIS PENGOPERASIAN PREMIS PERNIAGAAN (PINDAAN)**  
( PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TAHAP 2 )

**KEPADA : SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN/ PELESEN**  
**PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM**  
**(KECUALI ZON PKPD IBRAHIM MAJID, SIMPANG RENGAM)**

**TARIKH : 9 APRIL 2020**

**SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA** selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Tahap 2 yang berkuatkuasa mulai **1 April 2020 hingga 14 April 2020**, semua premis perniagaan adalah **DIARAHKAN TUTUP** sepanjang tempoh berkenaan **KECUALI** perniagaan yang terlibat dengan Perkhidmatan Penting Negara (*Essential Services*).

Oleh yang demikian, **SEMUA** premis atau aktiviti perniagaan yang dibenarkan beroperasi (*Essential Services*) sepanjang tempoh PKP Tahap 2 adalah **DIARAH** mematuhi **WAKTU HAD OPERASI** sebagaimana *pindaan* berikut:

BIL	JENIS PREMIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1.	Restoran, Kedai Makan termasuk 24 jam (terhad kepada bungkus, penghantaran ( <i>delivery</i> ) dan pandu lalu ( <i>drive thru</i> ) sahaja)	8.00 pagi hingga 8.00 malam
2.	Stesen Minyak dan Kedai Serbaneka dalam Stesen Minyak	8.00 pagi hingga 8.00 malam
3.	Pasaraya, Kedai Runcit serta Kedai Serbaneka 24 jam Termasuk Seven Eleven	8.00 pagi hingga 8.00 malam
4.	Pasar Awam	6.00 pagi hingga 12.00 tengahari
5.	Klinik Swasta, Pusat Dialisis, Farmasi dan Klinik 24 jam	8.00 pagi hingga 8.00 malam
6.	Perkhidmatan Mesin ATM dan CDM	7.00 pagi hingga 8.00 malam
7.	Pengangkutan Awam, Teksi dan <i>E-Hailing</i>	6.00 pagi hingga 10.00 malam
8.	a) Kedai Menjual <i>Input</i> Pertanian (Baja/ Racun)	<b>ISNIN DAN KHAMIS SAHAJA</b> 8.00 pagi hingga 4.00 petang

	b) Kedai Menjual Makanan Haiwan Kesayangan, ubatan dan keperluan berkaitan. c) Kedai Menjual Alat Tukar Ganti (Jentera Pertanian dan Industri)	
9.	Pasar Malam/ Pasar Pagi / Pasar Tani, Penjaja <i>Food Truck</i> dan seumpamanya	<b>TIDAK DIBENARKAN</b>
10.	a) Bengkel Membaiki Kenderaan, Pusat Servis dan Kedai Tayar b) Kedai <i>Hardware</i>	<b>TIDAK DIBENARKAN <u>KECUALI</u> <i>On Call</i> bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja</b>

Selanjutnya **SILA AMBIL MAKLUM** bahawa notis yang dikeluarkan pentadbiran ini berkuatkuasa **24 Mac 2020** berkenaan keperluan pemilik-pemilik premis/ pelesen mengambil langkah-langkah perlu mencegah jangkitan *Covid-19* di premis perniagaan masing-masing (yang dibenarkan beroperasi), masih lagi terpakai dan berkuatkuasa iaitu :

1. Memakai *Face Mask* (kepada semua pekerja dan petugas).
2. Menyediakan dan menggunakan *Hand Sanitizer*.
3. Menjalankan dan membuat pemeriksaan suhu badan di hadapan premis,
4. Mengawal bilangan pengunjung dalam satu-satu masa bagi mewujudkan jarak sosial (*Social Distancing*) sekurang-kurangnya satu (1) meter.

Sehubungan dengan itu, semua pelesen dan pengusaha premis perniagaan dikehendaki mematuhi arahan-arahan notis ini bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dikenakan ke atas tuan/puan. Arahan ini berkuatkuasa mulai **9 April 2020 sehingga 14 April 2020**. Sekiranya ingkar, tuan/puan boleh dikenakan tindakan di bawah **Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988** dan **Akta Polis 1967** serta premis perniagaan tuan/ puan boleh ditutup. Arahan ini selaras dengan peruntukan kuasa kepada **Majlis Daerah Simpang Renggam** di bawah Seksyen **72(1)(f) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171**.

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari semasa ke semasa dan akan dipinda tertakluk kepada arahan selanjutnya daripada pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama dan tindakan dalam perkara ini diucapkan terima kasih. Sebarang aduan/ pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui :

*Tel 077551300, Hotline : 1300-88-6377, WhatsApp Aduan : 0197551300*

Dengan perintah,

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM  
9 APRIL 2020**